

Bahasa, Kolonial, dan Kemerdekaan

Pada bulan kemerdekaan, penekanan terhadap semangat kejiwaan dan bersatu hati rakyat penting bagi mengingati detik-detik berharga negara. Kemerdekaan negara tercapai apabila terdapat kesefahaman, rasa kekitaan, kesepaduan untuk bersatu, dan kemanusiaan yang tinggi ke arah maksud cita-cita jiwa merdeka. Jiwa merdeka bukan sahaja bermaksud memelihara kemerdekaan, tetapi mempertahankan unsur-unsur penting dalam kemerdekaan. Antaranya termasuklah mempertahankan bahasa yang telah dipersetujui untuk didaulatkan ketika awal kemerdekaan, dan seterusnya menunjung pemertahanan negara.

Antara unsur teras dalam perlombagaan termasuklah mendaulatkan bahasa kebangsaan yang ingin menyuarakan roh kesepaduan. Ketika sebelum merdeka, tidak ramai orang Melayu, khususnya golongan elit berpendidikan Inggeris, meyakini penggunaan bahasa Melayu. Namun, terdapat dalam kalangan golongan kolonial sendiri yang meyakini bahasa Melayu. Pada bulan kemerdekaan ini, kita merenungi sikap, pandangan, dan perilaku Eropah yang mencintai bahasa Melayu, yang kadangkala melebihi rakyat peribumi. Antara tokoh yang perlu diketenterangkan termasuklah Oman Theodore Dussek, keturunan Jerman.

Dussek Pentadbir Kolonial

O.T Dussek misalnya, pada tahun 1935, sudah mulai melihat kepentingan bahasa Melayu dan pernah menyuarakan bahawa terdapat tiga aspek penting dalam kehidupan, iaitu agama, adat resam dan bahasa. Antara kata penting Dussek termasuklah meminta orang Melayu memelihara bahasa, dan berusaha untuk meninggikan taraf bahasa Melayu untuk menjadi bahasa dunia. Bagi Dussek, apabila taraf bahasa Melayu sudah menjadi tinggi, maka taraf bangsa Melayu akan turut menjadi tinggi. Beliau mengungkapkannya seperti yang berikut.



"Bahasa kamu, saya percaya, diucapkan oleh lebih daripada 70 juta manusia. Ia merupakan satu daripada rumpun-rumpun bahasa terbesar di dunia ini. Jangan lupakan hakikat itu. Pelihara bahasa kamu itu; berusaha meninggikannya ke tarafnya yang layak dalam kalangan bahasa-bahasa dunia. Apabila taraf bahasa kamu tinggi, akan tinggi pulalah bahasa kamu." (*The Straits Times*, 15 Ogos, 1935.)

Ketika tahun 1930-an, bahasa Melayu sudah dituturkan oleh lebih 70 juta penduduk Alam Melayu. Beliau melihat potensi bahasa itu menjadi bahasa yang berdaulat berdasarkan jumlah penduduk yang sangat besar. Keyakinan beliau terhadap bahasa Melayu sangat luar biasa dan mempunyai logika yang tinggi. Bahasa Melayu berupaya menjadi bahasa yang berdaulat dan diyakini mampu setaraf dengan bahasa dunia atau bahasa antarabangsa. Akan tetapi, status bahasa Melayu tersebut akan tercapai sekiranya rakyat sendiri berusaha berusaha untuk mendaulatkan dan mempertahankannya.

Jiwa Melayu

O.T Dussek ialah pentadbir kolonial yang pernah bertugas di Tanah Melayu sebelum merdeka. Kolej Melayu Melaka merupakan kolej Melayu pertama untuk melatih bakal guru, dan Dussek telah dilantik menjadi ketua di situ pada tahun 1914. Dalam tempoh 20 tahun, terdapat seramai 700 guru telah dihasilkan dan mengajar di seluruh Tanah Melayu. *Sejarah Melayu dan Hikayat Abdullah* antara teks yang digunakan sebagai bahan

O.T Dussek ialah pentadbir kolonial yang pernah bertugas di Tanah Melayu sebelum merdeka. Kolej Melayu Melaka merupakan kolej Melayu pertama untuk melatih bakal guru, dan Dussek telah dilantik menjadi ketua di situ pada tahun 1914.




pengajaran. Bagaimanapun, kolej ini ditutup pada tahun 1922 untuk memberikan ruang kepada Maktab Perguruan Sultan Idris. Dussek dilantik menjadi pengetua bermula dari tahun 1922 hingga 1936, iaitu selama 17 tahun. Dengan jiwa Melayu berwajah Barat, Dussek berusaha memajukan bahasa Melayu dengan kaedah penggunaan bahasa Melayu yang lebih luas untuk memajukan sistem pendidikan Melayu.

Sebenarnya pihak kolonial sendiri keberatan untuk menubuhkan sekolah menengah Melayu hinggalah apabila Dussek dilantik menjadi Penolong Pengarah Pendidikan yang bertanggungjawab dalam hal ehwal pendidikan Melayu, beliau mencadangkan penubuhan sekolah menengah Melayu di beberapa tempat di bandar. Selain itu, beliau juga mencadangkan peningkatan penggunaan bahasa Melayu di jabatan-jabatan kerajaan. Tujuannya adalah untuk memastikan peluang yang

sama rata dan dapat bersaing dengan golongan yang elit yang berlatarbelakangkan pendidikan Inggeris. Namun, cadangan ini tidak mendapat tempat dalam kalangan pentadbiran Inggeris (Philip Loh, 1975). Hal ini dikatakan demikian kerana pihak kolonial tidak mahu mempercepat proses gerakan intelektual Melayu yang boleh menggugat penguasaan pentadbiran Inggeris dan sistem pendidikan Inggeris. Dengan cara ini, sebenarnya pihak kolonial seakan-akan sedar bahawa bahawa peningkatan sistem pendidikan Melayu akan membantu perkembangan dan pembangunan sosioekonomi Melayu secara besar-besaran sekiranya hal yang sedemikian ini dilaksanakan. Langkah tidak menyokong ini juga merupakan cara membantutkan usaha murni tersebut yang disokong kuat oleh Dussek yang berjaya Melayu.

Sebaliknya, tindakan pihak kolonial lebih berupa penerusan tindakan pecah dan perintah, iaitu orang Melayu sebaik-baik



dan subjek berkebun, bertani, dan membuat bakul dimasukkan dalam kurikulum. Namun, hal yang sedemikian ini tidak menghalang Dussek untuk memberikan kesedaran kepada anak-anak Melayu sebagai penyebar idea kemajuan, semangat cinta akan tanah air, dan menjadi pemimpin kecil di merata-rata tempat dan wilayah, dan negeri tempat mereka bertugas.

Winstedt dan Pendidikan Bahasa Melayu

Sebenarnya Richard Winstedt yang mencadangkan penubuhan MPSI, atau nama asal *Sultan Idris Training School*. Ketika itu beliau ialah Penolong Pengarah Pelajaran Sekolah-Sekolah Melayu sebelum Dussek. Cadangan tersebut diluluskan kerajaan pada tahun 1917. Namun, Winstedt tidak seperti Dussek kerana Winstedt mempunyai pendirian bahawa petani Melayu tidak perlu melangkaui tahap hidup mereka yang rendah. Sebaliknya Winstedt berpendapat bahawa

anak-anak petani Melayu hanya perlu diberikan pelajaran yang seada-adanya. Pendidikan sekolah Melayu hanya layak hingga tahap darjah empat sahaja. Pendidikan hingga darjah lima membuatkan anak Melayu memikirkan bahawa mereka layak menjadi kerani menurut Winstedt (1917), dan hal yang sedemikian ini tidak harus dibiarkan. Perkara ini juga dianggap Winstedt sebagai pendidikan yang berlebihan, membazir dan perlu dikawal. Malah, Winstedt memuji-muji dasar kolonial Belanda yang dianggap bijak apabila menetapkan pendidikan setakat darjah tiga sahaja dan menyatakan kolonial Inggeris telah berlebih-lebih untuk memberikan pendidikan.

Pandangan seumpama ini mencirikan watak Winstedt dan berbeza daripada sikap dan pendirian Dussek. Dasar Winstedt sebenarnya sesuai dengan agenda kolonial untuk membantutkan perkembangan pelajaran Melayu dan memastikan peribumi tidak bercita-cita melangkaui bidang tradisional mereka. Maka, tidak hairanlah Winstedt tidak

melanjutkan perkhidmatan Dussek di Tanah Melayu dan Singapura pada tahun 1936 dan memaksa beliau kembali ke England. Harun Aminurrashid pula dinyahkan dari Tanah Melayu dengan cara dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Pelajaran Melayu dan dihantar untuk bertugas ke Brunei.

Sikap, pendirian, dan peranan Dussek yang strategik, iaitu sebagai pengetua MPSI dan Penolong Pengarah Pelajaran Melayu dianggap sebagai kurang sesuai dengan dasar imperialisme British. Namun, penamatan khidmat Dussek ini agak terlambat kerana bibit-bibit gerakan intelektual Melayu sudah bercambah. Dari satu segi, terdapat persoalan bahawa faktor ini juga didorong oleh latar belakang Dussek yang berketurunan Jerman, menyebabkan perbalahan idea dan pendirian oleh sebab wujudnya permusuhan antara Jerman dengan British di arena antarabangsa. Faktor ini juga didorong oleh hubungan rapat beliau dengan guru-guru dan pelajar, selain minat beliau terhadap bahasa dan kebudayaan Melayu. Kemunduran orang Melayu juga menginsafkan Dussek untuk menjadikan pendidikan sebagai faktor pengubah masa depan orang Melayu ke arah yang lebih baik.

Apa pun, sikap Dussek terhadap bahasa Melayu dan dasar membantu memupuk kesedaran orang Melayu melalui pendidikan dan bahasa perlu dicontohi pada bulan kemerdekaan. Sekiranya pentadbir kolonial boleh bersimpati dengan masyarakat yang dijajah, anak bangsa tanah air perlu sedar, insaf, dan bertindak secara lebih strategik untuk memartabatkan bahasa Melayu. **DB**